



SIARAN AKHBAR

Untuk Hebahani Segera

GREAT EASTERN TAKAFUL SERAH ZAKAT PERNIAGAAN DAN LEBIHAN PENGUNDERAITAN PESERTA

Kuala Lumpur - Great Eastern Takaful Berhad (GETB) menyerahkan wang zakat perniagaan kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan dan lebihan pengunderaitan peserta kepada Projek Iqra' SeMalaysia, sebuah badan kebajikan bukan kerajaan bagi tahun 2014 baru-baru ini.

Sumbangan wang zakat perniagaan ini telah diserahkan sendiri oleh En Zafri Ab Halim, Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Takaful kepada wakil PPZ, Tuan Hj Khairul Azahar. Manakala bagi wang lebihan pengunderaitan peserta pula telah disalurkan kepada Persatuan Kebajikan Projek Iqra' SeMalaysia. Pertubuhan ini membantu memantapkan tahap pendidikan dan kebajikan kanak-kanak serta remaja di kalangan anak yatim, miskin dan asnaf serta keluarga yang kurang berkemampuan.

"Kami berasa amat bersyukur kerana dapat menyalurkan wang zakat dari keuntungan perniagaan seawal tahun ke-4 syarikat beroperasi. Walaupun jumlahnya tidak seberapa namun ini merupakan permulaan bagi tahun-tahun seterusnya. Sebagai pengendali takaful, kami amat mengutamakan aspek tolong-menolong sesuai dengan maksud takaful itu sendiri iaitu saling menjamin antara satu sama lain di kalangan peserta-pesertanya. Oleh itu kami berharap sumbangan wang zakat ini akan turut membantu asnaf-asnaf zakat yang layak serta memerlukan", ujar beliau.

"Alhamdullilah dengan sokongan serta kepercayaan yang diberikan oleh para pelanggan kami, GETB telah berjaya mendapat keuntungan seawal tahun keempat kami beroperasi. Manakala bagi wang lebihan pengunderaitan peserta pula kami salurkan kepada sebuah badan kebajikan

bukan kerajaan iaitu Projek Iqra' SeMalaysia yang memperjuangkan pendidikan dan kebajikan kanak-kanak yang kurang berkemampuan.", tambah beliau.

Great Eastern Takaful telah mula beroperasi pada tahun 2010 serta dimiliki oleh Great Eastern Holdings dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad.

-Tamat-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -

Penolong Pengurus,

Bahagian Komunikasi Pemasaran & Penjenamaan

Puan Zarina Idris

Tel: +603 4259 8336

Fax: +603-4259 8396

H/P: +6012-233 8834

E-Mail: Zarinaldris@i-great.com.my



GETB menyerahkan wang sumbangan zakat 2014 kepada Pusat Pungutan Zakat. Dari kiri, En Wan Ahmad Najib (Ketua, Pengurusan Strategik dan Shariah), En Zafri AB Halim (Ketua Pegawai Eksekutif), Penolong Pengurus Besar, Bahagian Operasi PPZ, Tn. Haji Khairul Azahar bersama-sama dengan Ustaz Dzilyaulhak Bin Hashim dan Ustaz Muhammad Faizul bin Wahab.